


TARIKH : 19/1/2023

SURAT KhabAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8



Sivakumar (tengah) bersama timbalannya, Mustapha Sakmud (kiri) hadir pada Malam Gala Anugerah Pembangunan Sumber Manusia Ke-20 di Kuala Lumpur, malam kelmarin.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

Lebih 500,000 pekerja asing dibawa masuk

**Kemasukan
penuhi keperluan
tenaga buruh
bagi lima sektor**

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lebih 500,000 pekerja asing dibawa masuk ke negara ini secara berperingkat menerusi Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing, Kementerian Sumber Manusia.

Menteri Sumber Manusia, V Si-

dan perkhidmatan (restoran).

“Saya dapati pekerja asing diperlukan oleh sektor kritikal buat masa ini dalam lingkungan 500,000 orang.

“Kita akan lihat sekiranya ada keperluan untuk menambah pekerja asing. Kita akan tambah tetapi ia tidak boleh melebihi 2.4 juta pekerja asing seperti diperuntuk bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12),” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Malam Gala Anugerah Pembangunan Sumber Manusia Ke-20 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini, malam kelmarin.

Masuk berperingkat

ram berkenaan.

Terdahulu, beliau menerusi kenyataan memaklumkan pelaksanaan Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing bertujuan menyegerakan proses permohonan dan kelulusan penggajian pekerja asing dalam sektor kritikal.

Beliau berkata, majikan dalam kelima-lima sektor atau subsektor kritikal boleh mengemukakan permohonan penggajian pekerja asing di platform Foreign Worker Centralised Management System di bawah Modul FWe Approval berkuat kuasa serta-merta.

Sebelum ini, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Na-